

April 13, 2023

## Pulau Pinang mohon bantuan NADMA lakukan pembernihian awan



Operasi pembernihian awan. FOTO ARKIB NSTP

Georgetown: Kerajaan Negeri Pulau Pinang memohon bantuan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi menjalankan operasi pembernihian awan dengan segera di kawasan tadahan empangan untuk mengelak krisis air di negeri itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) K Pathmanathan berkata, surat rasmi permohonan bantuan itu sudah dihantar oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada 30 Mac lalu.

Menurutnya, kapasiti efektif empangan Air Itam dan Teluk Bahang menyusut berikutan perubahan iklim dengan taburan hujan sangat rendah ketika ini.

"Pada 1 Januari lalu, kadar efektif Empangan Air Itam merekodkan 82.5 peratus namun ketika ini ia menyusut kepada 49.5 peratus.

"Situasi sama turut dialami di Empangan Teluk Bahang yang merekodkan kapasiti 64 peratus awal tahun lalu kepada 50.7 peratus.

"Kerajaan negeri meluluskan peruntukan RM400,000 bagi pelaksanaan operasi pembernihian awan di kawasan tadahan air kedua-dua empangan itu, namun tiada syarikat yang boleh memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia (CAAM)," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Katanya, kerajaan negeri tidak mempunyai pilihan selain meminta bantuan NADMA untuk campur tangan dan memudahkan pelaksanaan operasi pembernihian awan secepat mungkin.

"Kami berharap NADMA akan mengutamakan dan memenuhi permintaan Pulau Pinang kerana operasi pembernihian awan diperlukan secepat mungkin untuk mencetuskan hujan yang akan mengisi semula kedua-dua empangan itu.

"Pulau Pinang mesti mengelak potensi krisis bekalan air yang boleh menyebabkan penderitaan kepada 1.74 juta orang dan mengganggu aktiviti sosio ekonomi yang menyumbang RM99 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tegar pada 2021," katanya.